

TARIKH	13 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	29	RUANGAN	Nasional

Pelajar praktik temu duga

» *Karnival Cari Kerja Kelab TaHa@U BH tingkatkan keyakinan pelajar*

Oleh Aslina Abu Bakar

bhkt@bharian.com.my

Kuala Terengganu

Pengalaman baru yang diperoleh pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam meningkatkan tahap keyakinan diri, cara merebut peluang pekerjaan dan temu duga adalah pengalaman yang cukup bernaloi.

Pengalaman baru yang diperoleh di Karnival Cari Kerja Kelab TaHa@U itu bukan saji meningkatkan kebolehpasaran graduan UMT malah memberi keyakinan tinggi kepada graduan UMT ketika ditemu duga.

Keyakinan tinggi ini secara tidak langsung melayakkan mereka menjadi pekerja yang berdedikasi berdasarkan pengetahuan yang disebarluaskan di karnival yang dijalankan selama tiga hari bermula 6 hingga 8 Disember lalu di UMT, Gong Badak, di sini, baru-baru ini.

Tidak hairanlah 20 pelajar dari institusi terbabit tidak melepaskan peluang merasai sendiri pengalaman ditemuduga yang dianjurkan BH pada hari terakhir karnival itu.

Karnival berbeza
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT, Prof Dr Yahaya Ibrahim, berkata karnival kali ini berbeza kerana pelajar dan orang ramai dapat menghadiri temu duga secara terbuka dan menghantar resume di 12 agensi terbabit.

"Melalui program ini, pelajar boleh menimba pelbagai ilmu khususnya dalam pemilihan pekerjaan selepas tamat pengajian selain menyiapkan diri untuk lebih yakin ketika berhadapan temu duga."

"Program ini bukan saja terbuka kepada pelajar UMT, malah orang ramai. Bagaimanapun, pembabitan lebih ramai agensi amat diharapkan pada masa akan datang bagi membolehkan mereka melihat dan mengetahui peluang pekerjaan yang ada di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, karnival anjuran bersama Lembaga Tabung Hajji (TH), BH dan Jabatan Tenaga Kerja yang julung kali diadakan di UMT itu mendapat sambutan menggalakkan terutama daripada penuntut universiti yang mahu merasai sendiri pengalaman ditemu duga dan memohon pekerjaan, sebelum melangkah ke alam pekerjaan sebenar.

Penuntut semester tiga Fakulti Pembangunan Sosial UMT, Muhammad Fariz Izwan Mohd Wazir, 21, ternyata teruja dengan pengalaman baru yang dialaminya, malah menganggap karnival itu baik dalam menentukan masa depan kerjaya pelajar.

"Sebelum ini, saya tidak tahu penuntut seperti kami boleh mengisi borang pekerjaan secara dalam talian (online) melalui pelbagai agensi walaupun masih menuntut di universiti."

Dedah skop kerja

"Karnival ini memberi pendedahan bermanfaat kepada mahasiswa mengenai skop pekerjaan. Melalui nya juga, saya dapat menyiapkan diri untuk menghadapi temu duga selepas tamat pengajian dengan penulisan 'resume' yang mantap," katanya.

Sementara itu, pelajar semester

tiga jurusan Kimia Analisis dan Persekitaran UMT, Azila Afaruk, 21, berkata aktiviti di karnival itu dapat memahirkkan diri mengenai cara menghadapi temu duga yang sering ditakuti pelajar.

"Saya dapat merasai sendiri pengalaman berdepan penemuduga dan dapat memperbaiki kesilapan yang dibuat melalui penerangan yang diberikan penemuduga," katanya.

Sementara itu, Ketua Pembangunan Perniagaan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Salmah Hanim Hares, berkata setiap mahasiswa perlu memilih syarikat yang menawarkan pekerjaan dan berjumpa penemu duga di bilik dikhaskan mengikut giliran seperti situasi sebenar ketika ditemu duga.

"Melalui program ini, penuntut bukan saja dapat meningkatkan keyakinan diri, malah menambah ilmu mengenai cara berkomunikasi, etika berpakaian dan penulisan resume yang menjadi antara perkara paling penting dalam menentukan kejayaan mendapat pekerjaan nanti," katanya.

Aktiviti lain termasuklah ceramah kerjaya dan motivasi, penulisan resume, penulisan bahasa Inggeris, pendaftaran dan pembukaan akaun baru TaHa@U, santai bersama BH dan TaHa Pop Quiz.

Selain itu, turut diadakan ceramah kerjaya bersama personaliti TV3, Ally Iskandar serta ceramah kewartawanan oleh Pengarang Berita Unit Pendidikan BH, Ridzuan Yop.

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	13 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	29	RUANGAN	Nasional



Pelajar yang menghadiri Karnival Cari Kerja 1Graduan 1Kerjaya di UMT, Kuala Terengganu, baru-baru ini.



Dr Yahya
(dua dari kiri)
merasmikan
Program
Karnival Cari
Kerja Kelab
Taha@U
di UMT,
Kuala Terengganu,
baru-baru ini.

(FOTO ASLINA ABU
BAKAR / BH)